

PENERAPAN NILAI INTEGRITI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH MELALUI MATA PELAJARAN SEJARAH

Jaya Murugan Chandran

Abd Razak Zakaria

Zaharah Hussin

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

abdrazak@um.edu.my

This study was conducted to examine the extent to which the application of integrity values among secondary school students is implemented through the learning and facilitation of History subjects. This study also differs from previous studies which focused more on moral values in other subjects. This study was conducted in the city of Seremban by involving three cluster schools and form four students as the study sample. In addition, the teachers selected as the study sample were those with at least eight years of experience teaching the subject of History. A qualitative approach is used in the study to obtain detailed information on the implementation of the application of integrity values through PdPc History subjects. Study data were obtained as a result of PdPc observations of History subjects, interviews and SKPMG2 documents of History teachers were referenced in the triangulation of study findings. Open-ended questions are also given to students to assess the PdPc of History subject teachers. The findings of the study showed that as a result of the three methods used, students were given exposure to the content of the subject of History along with the value of integrity. It is applied in their learning and facilitation and behavior in school. Pupils were found to have a high enthusiasm to delve into the topics in the subject of History with different methods. Pupils are confident that a variety of strategies and methods can attract and increase their interest and create a learning environment that can instil the value of integrity in them. In conclusion, although teachers have applied the value of integrity, even some topics of History subjects still need to improve the content and topics that involve the characteristics of the spirit of patriotism. Quality student outcomes can be shaped by the application of integrity values through more effective teaching and learning methods and strategies.

Keywords: *Integrity, Honesty, Sincerity, Truthfulness, Transparency, Adherence to Principles*

Sejarah kini merupakan subjek yang dijadikan mata pelajaran wajib dalam pendidikan Malaysia khususnya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebelum ini, mata pelajaran ini menjadi mata pelajaran teras yang tidak diwajibkan dan kerana itu murid tidak begitu ambil berat tentang mata pelajaran ini. Apabila mata pelajaran ini diwajibkan pada tahun 2003, ia mula diberi perhatian khusus kerana subjek Sejarah menjadi salah satu syarat lulus bagi mendapatkan sijil. Sejarah menjadi nadi kepada perkembangan semangat jati diri murid dan perasaan berjuang demi negara dalam diri murid itu sendiri (Ahmad Hussin, 1993). Pendidikan Sejarah juga menjadi faktor pemangkin kepada kemajuan sesebuah bangsa dan tamadun (Siti

Zainun Mat., 1988). Sesungguhnya Sejarah tamadun-tamadun lampau menjadi panduan dan pengajaran kepada negara-negara di dunia pada hari ini. Kesenambungan daripada perjuangan tokoh-tokoh dahulu turut menjadi penguat kepada pembangunan negara pada hari ini (Abd Rahim Abd Rashid, 1999). Mata pelajaran Sejarah berpotensi melahirkan insan yang menjadi tonggak kejayaan negara. Walau apapun tindakan drastik kini sama ada tindakan yang bersistematik atau di sebaliknya pasti akan memberi impak pada masa depan (Suffean Hussin, 2004). Nilai Integriti sebenarnya telah mula dilaksanakan secara tidak langsung dalam pentadbiran negara sejak Malaya menjadi negara bebas daripada cengkaman penjajah. Bermula daripada era Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sehingga 1970-an integriti dalam pentadbiran negara membawa Malaysia ke tahap yang lebih mantap. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Prinsip Rukun Negara, Rancangan Malaya pertama dan seterusnya terus tetap memegang kepada nilai integriti yang menjadi tonggak kejayaan negara (Maharom Mahmood, 2001).

Sejak kebelakangan ini, isu yang melibatkan integriti terutamanya dalam kalangan penjawat awam menjadi cabaran utama negara. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negara ini menggariskan amalan yang melibatkan rasuah, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, penyelewengan adalah yang paling banyak melibatkan segelintir individu penjawat awam (Megat Ayop Megat Arifin, 2016). Walaupun tidak semua yang terlibat dalam perpecahan nilai etika dan integriti ini tetapi ia tetap memberi impak kepada keseluruhan penjawat awam yang berada di negara ini (Siddiquee, 2010). Sektor awam yang menjadi nadi penggerak pelaksanaan pentadbiran negara sehingga ke akar umbi mendukung prinsip integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat dengan sedaya upaya mereka (Leong, 2006). Menyedari betapa pentingnya integriti dalam kalangan masyarakat, khasnya dalam perkhidmatan awam dan jabatan-jabatan kerajaan, Kerajaan telah menyediakan satu garis panduan dan melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN). Pelan ini dibangunkan dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia khasnya penjawat awam (Anis Yusal Yusoff & Mohd Nizam Mohd Ali, 2018). Pelan seumpama ini membolehkan kerajaan merancang pelbagai program secara teratur dalam usaha membudayakan etika dan integriti masyarakat (Brandy, & Bauml, 2018).

Dalam indeks pencapaian rasuah dan penyelewengan yang dikeluarkan *Transparency International* (TI) gabungan anti-rasuah global 2016 Persepsi Rasuah Indeks (CPI), satu kajian tahunan yang mengukur tahap persepsi rasuah di 176 negara di dunia telah menunjukkan prestasi lebih teruk pada 2016 berbanding keputusan 2015. Kaji selidik itu mendedahkan bahawa Malaysia berkongsi tempat ke-55 dengan Croatia, dan skor CPI telah menurun daripada 50 hingga 49, pada skala dari 0 (dilihat sebagai sangat rosak) kepada 100 (dilihat sebagai sangat bersih) (<https://www.transparency.org/en/countries/malaysia#>). Oleh itu, pemupukan nilai integriti melalui mata pelajaran Sejarah sejak di sekolah perlu dilaksanakan dengan kaedah dan strategi yang lebih berkesan (Larry, 1982). Generasi yang dipupuk dengan semangat cintakan negara dengan adanya ciri-ciri ke arah nilai integriti akan mengharumkan nama negara di khalayak dunia (Jamaliah Shaik Abdullah, 2005). Sukatan dan kandungan dalam mata pelajaran ini memupuk murid menghayati setiap tema kandungan dengan lebih efisien. Impaknya, sudah pasti mengkagumkan dengan penglibatan pelbagai aktiviti yang menjurus ke arah menghayati nilai integriti (Gianluca, Tiziana & Shelley, 2013). Program-program yang menjurus ke arah tingkatan nilai ini diberi keutamaan oleh kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan.

Pernyataan Masalah


Kegagalan menerapkan nilai integriti dalam kalangan generasi masa kini akan membawa kepada kemudatan negara dalam pembangunan. Setiap negara bermatlamatkan pembangunan yang stabil iaitu dari perspektif kestabilan politik, ekonomi dan sosial (Mohd Sidek Hassan, 2010). Matlamat pembangunan akan tercapai jika rakyat mempunyai nilai integriti yang tinggi. Amalan jujur, amanah, akauntabiliti, tegas dan bertanggungjawab akan membantu negara mencapai pembangunan yang seimbang dan stabil. Kerangka Konseptual kajian yang dibina ini berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Lawrence Kohlberg berdasarkan tahap perkembangan moral. Oleh kerana kajian ini menjurus kepada murid sekolah menengah, maka tahap perkembangan Konvensional yang meliputi peringkat 3 dan 4 diberi keutamaan dalam kajian. Tahap 1 yang merangkumi peringkat 1 dan 2 yang mempunyai latar belakang pengaruh seseorang murid yang mana ia bersedia menunjukkan tahap perlakuan moral ke peringkat ke seterusnya. Sebegitu juga, peringkat 5 dan 6 mempunyai kaitan langsung dalam menerangkan kemungkinan impak atau kesan yang akan diterima berdasarkan perkembangan pengaruh semasa (Lawrence & Richard, 1977). Beranggapan bahawa setiap murid yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza sudah pasti menunjukkan kelakuan yang berbeza. Pengaruh keluarga yang membesarkannya sudah pasti mempunyai nilai moral yang baik (Susan, 2002). Kemungkinan nilai ini diterapkan dalam cara yang diterangkan dalam teori Kohlberg. Tahap 1 dan 2 yang menjadi asas kepada penerimaan nilai moral secara paksaan mahupun ganjaran. Sebegitu juga pengaruh dari masyarakat di mana saudara mara, jiran memainkan peranan dalam menerapkan nilai moral yang baik. Pada tahap ini, pengaruh rakan, media massa akan membawa kepada pembentukan nilai moral atau sebaliknya (Turiel, 1998).

Pada peringkat ke-3 dan ke-4, pengkaji cuba buktikan murid sekolah menengah mampu menjurus ke arah nilai moral dan akhlak yang baik dengan berlatar belakangkan nilai moral semasa di peringkat 1 dan 2 lagi. Di samping penerapan dan pengaruh faktor lain, sekolah merupakan agen penting dalam kehidupan seseorang murid khususnya murid sekolah menengah (Deci, & Ryan, 1985). Menurut teori Kohlberg, pada peringkat ini, murid sudah mula berfikir tentang kehendak masyarakat untuk membuat perkara baik. Setiap langkah dan strategi yang dimainkan di sekolah, sudah pasti menjadikan platform murid menengah bersedia menerima apa jua perkara yang baik untuk kebaikan diri, masyarakat dan negara (Brandy & Michelle, 2018). Segala kekangan yang berlaku seperti penerapan nilai sivik dan kewarganegaraan yang tidak konsisten, kurang penekanan terhadap nilai sivik dan kewarganegaraan, kaedah atau teknik pelaksanaan yang kurang berkesan serta latar belakang murid yang bermasalah menjadi cabaran utama dalam proses penerapan nilai integriti.

Oleh kerana itu, PdPc mata pelajaran Sejarah dianggap sangat penting untuk membawa murid ke dunia nyata yang penuh dengan peristiwa dan perwatakan pemimpin yang berwawasan untuk membentuk jati diri murid (Löfström, Trotman, Furnari *et al*, 2015). Perjuangan pemimpin masa lalu untuk masyarakat, bangsa, agama dan negara dijadikan perkara nyata yang boleh membawa impak ke dalam diri murid. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, hubungan antara guru dan murid secara selari akan membawa kepada suatu tahap pemahaman terhadap peristiwa Sejarah dan perwatakan Sejarah yang dimantapkan dengan elemen kewarganegaraan dan patriotisme dengan menekankan nilai moral yang utuh (Piaget, 1997). Proses yang diasimilasikan dengan hubungan dan tindakan moral ini akan tersemadi secara tidak langsung dalam naluri murid dan kekal menjadi sifat mulia dalam apa jua keadaan dan situasi. Seterusnya, nilai moral ini akan diterampilkan melalui kelakuan dan perwatakan dengan identiti yang digelar 'Integriti'. Sifat amanah, jujur, akauntabiliti, transperansi, prinsip, etika, moral, kebaikan, kesopanan, keadilan dan keikhlasan akan terserlah apabila ia diukur secara langsung dan secara tidak langsung (Robert, 2019).

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini melibatkan aspek pembelajaran dan aplikasi nilai moral dalam strategi pengajaran Sejarah kepada murid di sekolah menengah. Kerangka Konseptual kajian yang dibina ini berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Lawrence Kohlberg berdasarkan tahap perkembangan moral seperti di Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka Kajian Konseptual yang diubahsuai daripada Teori Perkembangan Moral Lawrence Kohlberg

Tahap perkembangan Konvensional yang meliputi peringkat 3 dan 4 diberi keutamaan dalam kajian. Beranggapan bahawa setiap murid yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza sudah pasti menunjukkan kelakuan yang berbeza. Pengaruh keluarga yang membesarkannya sudah pasti mempunyai nilai moral yang baik (Susan, 2002). Sebegitu juga pengaruh dari masyarakat di mana saudara mara, jiran memainkan peranan dalam menerapkan nilai moral yang baik. Pada tahap ini, pengaruh rakan, media massa akan membawa kepada pembentukan nilai moral atau sebaliknya (Turiel, 1998). Pada peringkat ke-3 dan ke-4, pengkaji cuba buktikan murid sekolah menengah mampu menjurus ke arah nilai moral dan akhlak yang baik dengan berlatar belakangkan nilai moral semasa di peringkat 1 dan 2 lagi. Di samping penerapan dan pengaruh faktor lain, sekolah merupakan agen penting dalam kehidupan seseorang murid khususnya murid sekolah menengah Pada peringkat ini, murid sudah mula berfikir tentang kehendak masyarakat untuk membuat perkara baik. Setiap langkah dan strategi yang dimainkan di sekolah, sudah pasti menjadikan platform murid menengah bersedia menerima apa jua perkara yang baik untuk kebaikan diri, masyarakat dan negara (Brandy & Michelle, 2018). Segala kekangan yang berlaku seperti penerapan nilai sivik dan kewarganegaraan yang tidak konsisten, kurang penekanan terhadap nilai sivik dan kewarganegaraan, kaedah atau teknik pelaksanaan yang kurang berkesan serta latar belakang murid yang bermasalah menjadi cabaran utama dalam proses penerapan nilai integriti.

Oleh kerana itu, PdPc mata pelajaran Sejarah dianggap sangat penting untuk membawa murid ke dunia nyata yang penuh dengan peristiwa dan perwatakan pemimpin yang berwawasan untuk membentuk jati diri murid. Perjuangan pemimpin masa lalu untuk masyarakat, bangsa, agama dan negara dijadikan perkara nyata yang boleh membawa impak ke dalam diri murid. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, hubungan antara guru dan murid secara selari akan membawa kepada suatu tahap pemahaman terhadap peristiwa Sejarah dan perwatakan Sejarah yang dimantapkan dengan elemen kewarganegaraan dan patriotisme

dengan menekankan nilai moral yang utuh (Piaget, 1997). Proses yang diasimilasikan dengan hubungan dan tindakan moral ini akan tersemadi secara tidak langsung dalam naluri murid dan kekal menjadi sifat mulia dalam apa jua keadaan dan situasi. Seterusnya, nilai moral ini akan diterampilkan melalui kelakuan dan perwatakan dengan identiti yang digelar 'Integriti'. Sifat amanah, jujur, akauntabiliti, transparansi, prinsip, etika, moral, kebaikan, kesopanan, keadilan dan keikhlasan akan terserlah apabila ia diukur secara langsung dan secara tidak langsung.

Pengajaran mata pelajaran Sejarah kini lebih menfokuskan kepada bagaimana untuk luluskan murid dalam mata pelajaran tersebut. Elemen-elemen patriotik dan kewarganegaraan menjadi perkara kedua dalam pengajaran Sejarah. Penerapan nilai integriti melalui unsur sivik dan kewarganegaraan memerlukan proses yang konsisten dan dilaksanakan dengan lebih efisien (Maharom Mahmood, 2001). Penerapan nilai integriti dalam kalangan murid tidak konsisten dilaksanakan kerana beranggapan kurang penting. Pengajaran dan pembelajaran yang ke arah mod peperiksaan menjadi gaya PdPc menjadikan matlamat tidak tercapai. Latar belakang murid yang banyak menghadapi masalah keluarga menjadi kelompongan dalam penerapan nilai integriti. Murid bermasalah yang berpunca dari keluarga atau faktor luaran seperti rakan sebaya, media massa dan sebagainya menjadi masalah dalam penerapan nilai integriti ini (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Guru-guru yang terpaksa menanggung beban tugas yang pelbagai menghadapi kesukaran dalam meneliti perkara ini untuk mendapatkan penyelesaian. Murid yang mempunyai banyak masalah dari faktor keluarga akan menyukarkan usaha guru untuk menerapkan nilai integriti dalam diri murid tersebut (Galbraith, & Jones, 1976). Tambahan lagi, bilangan murid yang ramai dalam kelas membebaskan guru meneliti seorang demi seorang tentang masalah yang dihadapi murid. Masa pengajaran yang terhad menjadikan ia rumit dan sukar diterapkan. Dalam pada itu, murid juga sukar mengaplikasikan nilai moral yang cuba diterapkan oleh guru (Nucci & Weber, 1995). Oleh itu, segala kelompongan ini perlu diatasi dengan kaedah yang berkesan. Kajian ini mengharapkan akan mendapatkan penyelesaian kepada permasalahan yang wujud dalam menerapkan nilai integriti dalam kalangan murid sekolah menengah.

Objektif Kajian

Kajian ini bermatlamat mendapatkan maklumat secara mendalam tentang impak penerapan nilai integriti dalam kalangan murid melalui pengajaran dan pemudahcaraan di sekolah. Oleh itu, beberapa objektif kajian ditetapkan untuk menggerakkan kajian ini.

1. Meneliti persediaan guru dalam menerapkan nilai integriti melalui mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid sekolah menengah.
2. Mengenalpasti cabaran dalam proses penerapan nilai integriti dalam kalangan murid.

Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab kepada beberapa isu persoalan kajian iaitu;

1. Sejauh manakah guru mata pelajaran Sejarah bersedia menerapkan nilai integriti dalam kalangan murid?
2. Apakah cabaran yang dihadapi murid dalam pengamalan nilai integriti dalam mata pelajaran Sejarah?

Metodologi Kajian

Metodologi kajian amat penting dalam menyatakan proses kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat daripada temubual untuk dikembangkan seterusnya menjawab soalan kajian (Mohd. Majid Konting, 2000). Melalui maklumat yang diperolehi pengkaji dapat menilai tahap penguasaan dan perlaksanaan nilai

integriti dalam kalangan murid sekolah menengah melalui dokumen standard pembelajaran mata pelajaran Sejarah sekolah menengah. Ini adalah sejajar dengan takrifan atau definisi sebenar Integriti dalam konsep dasar negara, penyerlahan dan pembangunan serta peranan akhlak, moral dan nilai integriti yang digunakan dalam mencetuskan pembentukan sesebuah negara (Kamus Dewan. 2002). Penelitian ciri integriti daripada kandungan sukatan mata pelajaran Sejarah sekolah menengah diperlukan untuk menjadi sumber memantapkan kajian ini. Oleh itu, keberkesanan kandungan sukatan pelajaran Sejarah di sekolah menengah adalah penting dalam melahirkan ciri-ciri integriti di kalangan murid.

Pengkaji menetapkan beberapa cara untuk memilih sampel. Pertama, pengkaji akan tentukan bilangan informan yang dapat memberi informasi dengan tepat sejajar dengan bidang kajian serta benar-benar faham tentang situasi atau permasalahan kajian. Ini sejajar dengan kenyataan Babbie (2002) yang menurutnya persampelan bertujuan pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai memenuhi keperluan tujuan kajian (Fraenkel & Wallen, 2006). Kedua, walaupun dalam kajian kualitatif dinyatakan bahawa jumlah sampel sekitar 1-7 orang memadai dalam kajian, pengkaji akan bermula dengan teknik awal cara pengumpulan dan memilih sampel dengan teknik 'snowball' seperti yang dicadangkan Creswell (2008). Dengan strategi sebegini, pengkaji dapat mengenalpasti sampel kajian sebenar bermula dengan seorang sampel kemudian menambah bilangan sampel sehingga pengkaji merasakan mencukupi (maksimum) (Glaser, & Strauss, 1967). Pemilihan sampel '*purposive*' atau sampel bertujuan berkemungkinan sampel yang bermaklumat, mudah diperoleh, mudah dihubungi, ada pengetahuan dan pengalaman. Menurut Creswell (2008) menyatakan pemilihan sampel '*purposive*' amat baik atau sesuai dalam kajian kualitatif kerana sampel yang dipilih mempunyai maklumat yang ingin diketahui pengkaji (Krejcie & Morgan, 1970). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dibentuk oleh pengkaji sendiri berdasarkan tinjauan kajian literatur. Pengkaji mengambil keputusan untuk memilih temubual sebagai instrumen kajian kerana atas beberapa faktor.

Dalam usaha mendapatkan jawapan bagi kajian ini, instrumen temubual digunakan untuk menemubual guru mata pelajaran Sejarah yang khusus dalam mata pelajaran Sejarah mahupun guru bukan khusus mata pelajaran Sejarah tetapi mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam subjek tersebut. Semua responden yang dipilih adalah guru -guru Sejarah yang sedang mengajar mata pelajaran Sejarah tingkatan empat, guru yang khusus mata pelajaran Sejarah mahupun guru cemerlang Sejarah. Pada masa yang sama juga, segelintir murid juga akan ditemubual mengikut kesesuaian kawasan dan sekolah untuk menstabilkan dapatan kajian. Ia berdasarkan kesesuaian kajian, pengkaji berkeyakinan mendapatkan respon bagi objektif kajian daripada responden dengan tepat. Informan yang ditemubual adalah terdiri daripada kalangan guru mata pelajaran Sejarah dan murid pula adalah dalam kalangan murid tingkatan empat. Ia sesuai dengan sifat keluasan dalam reka bentuk pengkajian kualitatif, akan tetapi pengkaji menghadkan seramai tiga orang guru dan murid setiap sekolah yang dikaji. Pemilihan informan dipilih secara cermat kerana terlebih dahulu dipastikan dengan bidang pengalaman (guru) serta tingkatan (murid). Pengkaji juga telah menetapkan skop perbincangan supaya ia tidak terkeluar atau tergelincir dari tujuan asal. Kajian ini telah dilaksanakan di tiga buah sekolah yang berstatuskan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Ia juga merangkumi murid sekolah menengah tingkatan empat, guru mata pelajaran yang khusus dalam Sejarah atau yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lapan tahun subjek berkenaan serta dokumen hasil pemantauan pentadbiran ke atas guru mata pelajaran Sejarah.

Dapatan Kajian


Bahagian ini menerangkan tentang perolehan dapatan kajian yang telah dijalankan tiga buah sekolah yang meliputi responden daripada guru dan murid. Dalam kajian ini kaedah temubual, meneliti dapatan SKPMG2 dan penilaian murid terhadap PdPc guru dalam kelas diperolehi.

Demografi

Para responden guru dan murid dipilih dalam kajian ini yang berlatarbelakangkan mata pelajaran Sejarah. Sekolah yang terletak di bandar Seremban, Negeri Sembilan yang merupakan Sekolah Kecemerlangan Kluster dipilih supaya setiap sekolah mempunyai ciri-ciri kecemerlangan tertentu. Pemilihan guru yang mempunyai pengkhususan Sejarah dan pengalaman mengajar mata pelajaran tersebut sekurang-kurangnya lapan tahun ke atas menjadi pilihan bagi pengkaji untuk menjalankan kajiannya. Murid-murid yang sentiasa komited dan bekerjasama dipilih oleh guru Sejarah sekolah masing-masing untuk menjadi informan kajian. Bagi mencapai objektif kajian pertama, iaitu meneliti kesediaan guru dalam menerapkan nilai integriti melalui mata pelajaran Sejarah di kalangan murid sekolah menengah, soalan kajian pertama perlu dijawab iaitu 'Sejauh manakah guru mata pelajaran Sejarah bersedia menerapkan nilai integriti di kalangan murid?'. Ia dikaji melalui kaedah temubual, dokumen SKPMG2 dan penelitian murid.

a) Kesediaan guru menerapkan nilai integriti

Melalui dapatan temubual, responden guru dan murid persoalan kajian pertama dapat dijawab dalam dapatan yang diberikan di bawah.




Pengamalan nilai integriti dalam kalangan murid dilaksanakan melalui mata pelajaran Sejarah dengan tiga perkara yang penting. Perkara pertama ialah dari segi kaedah pelaksanaan. Murid diterapkan dengan kandungan dan input sejarah melalui kesedaran sivik (psikologi), periksa dan imbang (*check and balance*) iaitu meneliti input dengan menyesuaikan keadaan semasa, membanding beza iaitu peranan dan fungsi pemimpin serta sumbangan dan penggabungjalinan iaitu menggunakan input dari mata pelajaran lain mahupun nilai moral yang dianggap sesuai untuk diterapkan bersama penerapan nilai integriti semasa PdPc (Hubbard, 1989).

Selain itu, kekerapan atau konstitensi dalam menerapkan nilai integriti juga perkara penting dalam PdPc mata pelajaran Sejarah. Dapatan menunjukkan, murid yang diterapkan dengan amalan nilai moral melalui pengajaran, kurang atau tidak konsisten mengaplikasikannya semasa di dalam sekolah, di rumah mahupun di luar sekolah dan rumah. Apabila seseorang itu digelar berintegriti, maka nilai itu sebenarnya kekal dan kekal sepanjang masa di mana jua. Jadi, pengamalan nilai integriti yang tidak konsisten akan membantutkan hasrat dalam membentuk insan yang berintegriti. Pentaksiran nilai murid dilakukan melalui reaksi murid dalam aktiviti mereka di dalam kelas seperti sumbangsaran, respon soal jawab, analogi dan kuiz. Penilaian secara langsung dan secara tidak langsung digunakan dalam

mentaksir murid sama ada mereka dapat mengaplikasikan nilai integriti atau di sebaliknya (Kerlinger, 1973).

b) Masalah dan cabaran

Dalam menjawab kepada soalan seterusnya, pihak guru dan murid dapat mengemukakan masalah dan cabaran dalam pelaksanaan nilai integriti.



Dalam menerangkan dapatan kajian yang menjawab kepada soalan kajian iaitu ‘Apakah cabaran yang dihadapi murid dalam pengamalan nilai integriti dalam mata pelajaran Sejarah?’ beberapa dapatan diperolehi. Sebahagian murid menganggap penerapan nilai integriti dalam mata pelajaran Sejarah hanya sebagai fakta. Lebih-lebih lagi peristiwa yang menceritakan pengalaman sebenar hanya dilihat sebagai suatu fakta yang akan dinilai semasa peperiksaan nanti. Jadi, penerapan nilai menjadi tidak konsisten dan sentiasa ditegur atau perlu disedarkan.

Selain itu, masalah dalaman keluarga menjadi sebahagian punca penerapan nilai integriti tidak dapat dilakukan dengan lancar. Latar belakang keluarga yang tidak mementingkan etika dan amalan anak-anak mereka menjadikan murid sukar diperbetul ke landasan integriti. Amalan kejujuran, keikhlasan, ketelusan dan sebagainya perlu dikukuh sejak kecil lagi di institusi keluarga. Ia akan diperluas semasa di sekolah. Sifat tidak peduli terhadap perkembangan anak-anak kerana mempunyai masalah kewangan, hubungan keluarga yang sentiasa bermasalah dan pelbagai konflik keluarga menjadikan anak-anak diperbesar dalam suasana yang tidak berintegriti.

c) Tindakan

Di sekolah, murid-murid sentiasa diberi motivasi, galakan dan perbincangan oleh guru tingkatan, guru kaunseling, guru mata pelajaran dan sebagainya. Ini adalah kerana setiap tindakan murid yang tergelincir dari landasan sebenar akan memberi kesan yang tidak baik kepada semua pihak (Susan, 2002). Murid-murid juga dipantau dan diberi galakan melalui Sistem Salah Laku Disiplin (SSDM) dengan menambah ‘Amalan Baik’ yang memberi galakan kepada murid apabila setiap kali melakukan atau menunjukkan amalan yang baik di sekolah. Ia dapat menggalakkan murid untuk lebih berintegriti. Penggunaan alatan komunikasi yang berkesan seperti power point, penggunaan makmal komputer secara berkesan serta penggunaan alatan komunikasi seperti telefon pintar akan menyeronokkan murid dalam menyelami mata pelajaran Sejarah seterusnya dapat menerima penerapan nilai integriti dengan baik.

Perbincangan

Penerapan nilai integriti dalam kalangan murid melalui mata pelajaran Sejarah dapat dilihat dengan analisis yang dijalankan pengkaji berdasarkan dapatan kajian. Perkara yang dilihat daripada dapatan kajian melalui temubual, dokumen SKPMG2 dan pemerhatian murid menunjukkan penerapan nilai integriti berlaku dengan meluas.

a) Guru Sejarah Dan Murid

Guru Sejarah menggalas tanggungjawab yang utama dalam membentuk insan yang bernilai bagi negara. Pada umumnya seorang guru Sejarah juga dapat mengembangkan kaedah, pendekatan, strategi pengajaran yang berkesan bagi mencorakkan pembelajaran yang bermakna, memupuk minat dan mengembangkan potensi murid-murid serta dapat menyusun dan merancang pembelajaran yang mencabar kebolehan murid ke arah pengembangan pemikiran dan menggalakkan murid berfikir secara kritis, analitikal dan kreatif. Ia akan menjadi satu proses penyampaian dalam menyampaikan maklumat dengan teknik dan kaedah pengajaran yang dipraktikkan berkesan (Abd Ghafar Md Din, 2003). Dalam teori yang digunakan dalam kajian ini, Kohlberg (1977) telah menetapkan pada tahap pertengahan hirarki perkembangan moral iaitu tahap Konvensional, individu sudah mula mengaplikasikan peraturan berdasarkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh ibubapa, guru dan komuniti (Kohlberg & Hersh, 1977) Guru mata pelajaran Sejarah memainkan peranan penting dalam melakarkan peraturan hidup berdasarkan ilmu Sejarah yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah murid dan seterusnya pembangunan masyarakat dan negara.

Guru Sejarah juga berkebolehan bercerita, berlakon, daya imaginasi, kemahiran berkomunikasi, berjenaka, daya intelektual yang tinggi, disegani dan dihormati murid. Personaliti guru Sejarah yang disenangi oleh murid, menjadi pendorong dan *role model* kepada murid (Owens., Coles, Evans et, al. 2017). Mereka berpotensi menjalankan pembelajaran aktif (*active learning*), mendorong penglibatan aktif murid dan memberi peluang yang luas kepada murid mengembangkan kebolehan dan potensi mereka (Brandy & Bauml, 2018). Ia akan mendorong kepada kreatif dan inovatif, khususnya dari segi pengajaran, pembelajaran, personaliti dan penggunaan pelbagai inivasi media dan teknologi pembelajaran (Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad, Rahimawati Abdul Rahim. 2007). Kohlberg (1977) dalam teorinya mengatakan bahawa, nilai moral yang diterapkan sejak kecil lagi dengan permulaan di peringkat awal lagi akan mampu meletakkan mereka di landasan yang betul sahsiahnya. Ia disusuli dengan tahap Konvensional dengan kewajipan mereka ke atas orang lain. Kecenderungan untuk bersikap integriti akan membawa kepada nilai kasih sayang terhadap keperluan orang lain akan dilaksanakan di peringkat ini. Kajian yang memilih responden murid tingkatan empat bersesuaian untuk dikaji dalam penerapan nilai integriti ini. Murid tingkatan empat yang menjadi skop kajian ini dilihat dalam tahap 2 iaitu tahap Konvensional yang merupakan tahap pertengahan di dalam teori perkembangan moral Kohlberg. Beranggapan bahawa individu sudah mula mengaplikasikan peraturan berdasarkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh ibubapa, guru dan komuniti. Dalam kajian yang dibuat, murid sudah mula mengaplikasikan apa yang dipelajari dan hasilnya didapati dalam tingkahlaku mereka.

Dalam kajian yang dijalankan, dapatanya menyatakan murid sedang mengalami proses kesedaran nilai dalam diri mereka menjadi keseimbangan. Ini adalah kerana faktor-faktor seperti pengaruh rakan yang sedia membantu dan bercirikan nilai moral, topik-topik Sejarah yang menjadi pemangkin kepada pengamalan nilai integriti, keprihatinan guru yang sentiasa menegur dan menasihatinya menjadi sokongan kepada pengamalan nilai ini berlaku. Dalam peringkat ini hubungan guru dengan pembelajaran topik-topik yang menyentuh kewibawaan seseorang yang berintegriti menjadi panduan dan contoh kepada murid untuk dipatuhi (Baxter, & Rarick, 1987).

Pada peringkat 4, murid tingkatan empat ini akur kepada sistem sosial dan etika peraturan melalui setiap topik yang dipelajari. Mereka juga dinilai dan diteliti oleh guru mereka yang sentiasa menegur dan menasihati mereka untuk menunjukkan teladan baik kepada semua. Murid-murid pada peringkat ini menghormati undang-undang di atas rasa keyakinannya terhadap undang-undang yang ada dan sanggup pula memperjuangkannya. Murid faham dan dapat mengamalkannya apabila mereka di jawatan yang tertinggi nanti. Mereka beranggapan nilai moral adalah kewajipan dengan tujuan menjaga keseimbangan dan

ketertiban masyarakat. Penerapan nilai dalam diri mereka menunjukkan kesediaan untuk menjaga keharmonian masyarakat dengan aturan sosial yang ditentukan. Misalnya, murid-murid yang guru, kini menduduki dalam jawatan dan kerja yang membanggakan. Buktinya, impak penerapan nilai moral terserlah dalam kelakuan mereka seperti sudi membantu adik-adik di sekolah yang dipelajarinya dan pelbagai lagi tindakan positif dilakukan.

Kohlberg (1977) dalam teorinya jelas menerangkan peringkat moral murid yang diterapkan mengikut tahap yang sesuai. Pada tahap kedua dan bermula peringkat 3, murid sudah mula memikirkan tentang baik dan buruk dalam kehidupan mereka. Di peringkat 4, mereka mula sedar, kehidupan ini menjadi suatu kewajipan yang tertakhluk kepada peraturan masyarakat dan ia perlu dipatuhi untuk menjaga keharmonian. Akan tetapi, sebagai teori yang dijadikan landasan dalam kajian ini untuk menjelaskan peringkat penerapan nilai tidak dapat membuktikan sama ada berjaya atau tidak usaha pembentukan murid ke peringkat dewasa nanti. Ini mungkin disebabkan kajian ke peringkat atasan tidak dijalankan untuk tempoh berpanjangan. Walaupun dalam teori Lawrence Kohlberg di peringkat 6 mengatakan segala keputusan diambil selepas pertimbangan dalam hati nurani, impak kajian ini dilihat tidak diketahui di peringkat berkenaan (Kohlberg & Hersh, 1977).

b) Cabaran dalam penerapan nilai integriti

Pembelajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan dalam kelas, banyak mencirikan kepada pencurahan ilmu akademik untuk membolehkan murid melepasi pintu peperiksaan peringkat demi peringkat. Setiap peringkat yang dilalui diselitkan dengan input-input pengetahuan duniawi khasnya mata pelajaran Sejarah yang kebanyakannya menghafal dan memenuhi kepada kehendak soalan dalam peperiksaan. Matlamat sebenar mata pelajaran ini mengalami kegagalan untuk membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (<https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>). Kohlberg (1977) dalam kajiannya, mempunyai pendirian bahawa perkembangan moral yang mengikut tahap yang dilaluinya akan membentuk sahsiah dalam diri manusia dan ia akan menjadi etika hidupnya di peringkat akhir nanti. Penekanan kepada perlaksanaan perkembangan moral dalam kalangan murid dengan anggapan bahawa masalah dalam pengajaran dan pembelajaran diatasi akan membawa kepada peringkat seterusnya. Abd.Rahim Abd.Rashid (1999) dalam Falsafah, Teori dan Amalan dalam Pendidikan Sejarah telah menyatakan ketandusan inovasi dan pembaharuan dalam pengajaran menjadi satu kelemahan dalam menyampaikan ilmu sejarah kepada murid dengan berkesan (Siti Zainun Mat., 1988).

Penerapan nilai integriti tidak diterapkan secara konsisten dalam kalangan murid. Dalam kajian, kurang persediaan awal dalam menerapkan nilai integriti. Strategi PdPc yang kurang berkesan menjadi beberapa masalah atau cabaran utama dalam penerapan nilai integriti ini. Pandangan atau cadangan informan guru dan murid mahukan topik-topik yang seharusnya memberi keberatan kepada isu dan sejarah dalam negara perlu diperbanyakkan (Tan, 1997). Kebanyakan topik yang dipelajari adalah daripada luar negara dan menganggap ia kurang sesuai untuk menerapkan nilai integriti dalam kalangan murid. Topik-topik Sejarah yang kurang menonjolkan nilai integriti akan menggagalkan matlamat membentuk generasi berintegriti kelak. Selain itu, ketidakprihatinan keluarga murid itu sendiri menjadi penghalang kepada penerapan nilai integriti. Murid-murid mempunyai hubungan yang baik dengan guru berkongsi segala masalah keluarga untuk mendapatkan penyelesaian. Jadi, ibubapa yang kurang mengambil peduli tentang anak-anak kerana kekangan kerja, masalah kewangan serta tidak meluangkan masa untuk anak-anak mereka akan membawa gejala social. Walaupun keprihatinan guru dapat menyelesaikan masalah mereka untuk jangka masa pendek, akan tetapi ia tidak dapat diselesaikan untuk jangka masa panjang. Segala masalah dan halangan dalam penerapan nilai integriti menjadikan setiap pihak yang terlibat untuk menjalankan kajian

intervensi untuk mencari jalan penyelesaian. Masalah dan halangan sentiasa berlaku dalam mana-mana usaha untuk menjadikan keadaan lebih baik.

Kesimpulan

Kajian yang lebih berfokuskan keberkesanan penerapan nilai integriti dalam kalangan murid sekolah menengah merupakan suatu yang utama untuk kita merangka dan melaksanakan intervensi-intervensi berkaitan. Setelah diteliti dengan proses kajian yang dijalankan pengkaji mendapati faktor penerapan nilai integriti adalah guru, sekolah, rakan dan mata pelajaran. Guru sebagai pembimbing, pemotivasi, penjaga kepada murid mampu membawa generasi ini ke arah yang lebih baik tanpa gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, korupsi dan perkara yang boleh menjatuhkan nama dan maruah keluarga, masyarakat dan negara. Selain itu, keadaan sekolah yang kondusif boleh membantu para pelajar untuk mewujudkan nilai murni dalam diri mereka. Kewujudan nilai-nilai murni ini dapat melahirkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga bidang kokurikulum. Tambahan pula, keadaan sekolah yang kondusif dan lengkap dengan kemudahan pembelajaran dapat memudahkan para pelajar belajar dan seterusnya dapat memupuk sikap positif dalam diri mereka.

Pengaruh rakan sebaya dalam kelas dan sekolah penting dalam menghayati nilai murni dalam diri murid. Kerjasama dan ketekunan murid dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawab menjadi fokus penting dalam mewujudkan perhubungan dan komunikasi yang sihat dalam kalangan mereka. Ia akan membawa kepada pemikiran cerdas ke arah pembentukan masyarakat dan negara yang lebih cemerlang. Di samping itu, mata pelajaran Sejarah yang mampu mengubah tingkahlaku dan sahsiah generasi perlu ada penambahbaikan dengan topik-topik yang sangat berkaitan dengan nilai integriti masyarakat. Peristiwa dan pengalaman negara perlu diterapkan dengan banyak dalam topik mata pelajaran Sejarah akan memudahkan murid memahami dan menjadikannya sebagai pengajaran semasa mengalaminya.

Walaupun amalan penghayatan dan pelaksanaan integriti dilakukan di sekolah tetapi ia memang tidak memadai. Selain daripada faktor-faktor yang dibincangkan dalam dapatan kajian, faktor keluarga merupakan aspek yang sangat penting dalam penerapan nilai integriti dalam kalangan murid. Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat pada hari ini terlalu materialistik dan mementingkan kemewahan. Oleh itu, tanggapan sesetengah pihak yang menganggap kononnya nilai kasih sayang yang boleh ditukar ganti dengan harta benda merupakan satu kesilapan besar. Sebenarnya, gejala sosial yang semakin berleluasa ini berpunca daripada kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Ibu bapa terlalu sibuk dan tiada masa untuk menerapkan nilai-nilai murni kekeluargaan seperti kesopanan, adab dan kelakuan yang baik kepada anak-anak. Oleh itu, dalam usaha memupuk nilai murni dalam diri anak-anak, ibu bapa perlu sentiasa bersikap prihatin terhadap anak mereka bagi membina sebuah keluarga yang harmoni.

Rujukan

- Abd Ghafar Mat Din. (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, Kuala Lumpur: Utusan Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid. (1999). *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Hussin. (1993). *Pendidikan dan masyarakat antara dasar, reformasi dan wawasan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Anis Yusal Yusoff and Mohd Nizam Mohd Ali. (2018). *Integrity*, Kuala Lumpur: Pusat Ilmu Integriti.
- Baxter, G.D. and Rarick, C.A. (1987). *Education for the Moral Development of Managers: Kohlberg's Stages of Moral Development and Integrative Education*. *Journal of Business Ethics* 6. 243-248.
- Carol W. Lewis. (1991). *The Ethics Challenge in Public Service*. California: Jossey-Bass Publishers.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. (2006). *How to design and evaluate research in education*, New York: McGraw-Hill.
- Galbraith, Ronald E.; Jones, Thomas, M. (1976). *Moral Reasoning: A Teaching Handbook for Adapting Kohlberg to the Classroom*. Greenhaven Press Inc.
- Gianluca Gini, et al. (2013). *Moral disengagement among children and youth: A meta-analytic review of links to aggressive behaviour*, New York: Wiley.
- Glaser, B. G. & Strauss, Anselm L. (1967). *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine Publishing Company. 115-127
- Haminah Suhaibo. (2007). *Penerapan Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Murid Tingkatan 1 di Sekolah di Kuching*. Tesis ar.d. Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.
- Harter, S. (1996). *Teacher and classmate influences on scholastic motivation, self-esteem, and level of voice in adolescents*. In J. Juvonen & K. Wentzel (Eds.), *Social motivation* (pp. 11-42). Cambridge, UK: Cambridge University Press
- Hubbard, L.R. (1989). *Personnel Values and Integrity*, New York: Bridge Publications.
- Jamaliah Shaik Abdullah. (2005). *Perubahan Kurikulum Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Tahun 1978-2000*. Projek Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan. (2002). ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. 2nd edition. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). Determining Sample Size for research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, (30), Duluth: University of Minnesota.
- Larry R. Churchill. (1982). The Teaching of Ethics and Moral Values in Teaching. *The Journal of Higher Education*, 53(3), 296-306
- Lawrence Kohlberg & Richard H. Hersh. (1977). Moral development: A review of the theory. *Theory In to Practice*, 16(2), 53-59, DOI: 10.1080/00405847709542675
- Leong, H.K. (2006). *Malaysia's civil service reform: Mahathir's legacies and Abdullah's challenges*. In S. Swee-Hock & K. Kesavapany (Eds.), *Malaysia—recent trends and challenges* (pp. 195–209). Singapore: ISEAS
- Maharom Mahmood. (2001). *Kurikulum Sejarah ke Arah Memperkukuhkan Usaha Pemupukan Semangat Patriotik dalam Kalangan Murid*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke arah pembentukan warganegara patriotik. 8-12 Oktober. Kuala Lumpur.
- Megat Ayop Megat Arifin. (2016). *Jurnal Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum*. Malaysia: ISSN.
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 105-114
- Mohd Sidek Hassan. (2010). *Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia, Laporan Tahunan 2010*, Malaysia: Institut Integriti Malaysia.
- Moshe M. Blatt & Lawrence Kohlberg. (1975). The Effects of Classroom Moral Discussion upon Children's Level of Moral Judgment, *Journal of Moral Education*, 4(2), 129-161.
- Nucci, L.P. & Weber, E.K. (1995). Social interactions in the home and the development of young children's conceptions of the persona. *Child Development*, 66, 1438-1452

- Siddiquee, N.A. (2010). Combating Corruption and Managing Integrity in Malaysia: A Critical Overview of Recent Strategies and Initiatives. *Public Organ Rev, 10*, 153–171. DOI:10.1007/s11115-009-0102-y
- Siti Zainun Mat. (1988). *Pelajaran Sejarah di Sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia 1948-1970an: Satu tinjauan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 18-23
- Suffean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 62-73
- Susan, V.V. (2002). *Raising Kids Who Will Make a Difference: Helping Your Family Live with Integrity, Value Simplicity, and Care for Others*, Covington, USA: Loyola Press
- Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad, Rahimawati Abdul Rahim. (2007). *Membina Pelajar Cemerlang: Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*, Universiti teknologi Malaysia.
- Tan, S.K. (1997). *Moral Values and Science Teaching: A Malaysian School Curriculum Initiative*, USM